



FINAL EXAMINATION
JULY 2023

COURSE TITLE **BAHASA KEBANGSAAN A**

COURSE CODE **MPU2213**

DATE/DAY **15 OCTOBER 2023 / SUNDAY**

TIME/DURATION **09:00 AM - 11:00 AM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)**

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 2 Printed Pages including front page)

*****DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO*****

Kertas soalan ini mengandungi bahagian A dan bahagian B. Jawab **SEMUA** soalan dengan menuliskan jawapan dalam kertas jawapan yang disediakan. [30 MARKAH]

Bahagian A

(10 Markah)

Baca soalan dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang paling **TEPAT**.

1. Pilih pernyataan yang **TIDAK BENAR** mengenai bahasa Austronesia.
 - A. Bahasa ini dipercayai dibawa dari Yunan.
 - B. Bahasa Nusantara ialah salah satu cabang bahasa Austronesia.
 - C. Bahasa Austronesia menjadi bahasa yang dominan di Amerika Syarikat dan Kanada.
 - D. Bahasa ini mengandungi cabang bahasa Polinesia, bahasa Melanesia, bahasa Mikronesia dan bahasa Nusantara

2. Pernyataan yang manakah **BETUL** mengenai fungsi bahasa Melayu?
 - A. Bahasa perpaduan disalurkan melalui Perkara 152 Perlembagaan Malaysia.
 - B. Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu melalui menulis undang-undang dan peraturan negara.
 - C. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui perancangan korpus dan taraf bahasa.
 - D. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melalui catatan dalam semua rekod kerajaan.

3. Batu-batu bersurat di Kedukan Bukit, Talang Tuwo, Kota Kapur dan Karang Brahi ditulis dalam _____.
 - A. bahasa Melayu Kuno
 - B. bahasa Melayu klasik
 - C. bahasa Melayu moden
 - D. bahasa Melayu zaman peralihan

4. Pilih perkataan yang mengandungi bunyi diftong pada bahagian tengah perkataan.
 - A. Belaian
 - B. Ghairah
 - C. Kemaafan
 - D. Pengecualian

5. Antara yang berikut, yang manakah **BUKAN** fungsi penggandaan?
 - A. Menunjukkan jamak
 - B. Membawa makna bagi kata dasar
 - C. Menunjukkan makna yang berulang
 - D. Memberikan penegasan kepada kata dasar

6. Maksud simpulan bahasa 'hati batu' ialah_____.
- A. tidak memakai kasut
 - B. sikap degil seseorang
 - C. sikap pemalas
 - D. hidup keseorangan
7. Fungsi bahasa Melayu moden melalui:
- I bahasa komunikasi
 - II bahasa kebangsaan
 - III bahasa rasmi
 - IV bahasa perpaduan
- A. I, II, III
 - B. I, II, IV
 - C. II, III, IV
 - D. Semua di atas
8. Perkara _____ mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.
- A. 152
 - B. 153
 - C. 154
 - D. 155
9. Apakah maksud peribahasa "bagai murai dicabut ekor"?
- A. Sangat sedih
 - B. Sama padan dan secocok
 - C. Orang yang banyak bercakap
 - D. Wajah perempuan yang sangat cantik
10. Apakah kepentingan intonasi dalam percakapan manusia?
- I Membezakan subjek dan prediket
 - II Menunjukkan perasaan marah, terkejut dan rasa teruja
 - III Memudahkan penggunaan bahasa rojak
 - IV Membezakan pelbagai jenis ayat yang terdapat dalam bahasa
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

11. Tujuan peribahasa adalah untuk _____.

- I menyinggung perasaan seseorang
- II menambah nilai sastera dalam bahasa Melayu
- III menyembunyi perkataan yang ada nilai perasaan marah
- IV menghuraikan sistem adat Melayu

- A. I
- B. II
- C. III, IV
- D. II, IV

12. Antara yang berikut, perkataan yang manakah berpola KV+KV+KVK?

- I Belukar
- II Masalah
- III Senangin
- IV Sempurna

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

13. Sikap Cik Suraya yang _____ menyebabkan rakan sekerjanya berasa tidak selesa semasa bercakap dengannya.

- A. cakap lepas
- B. duri berbisa
- C. adu domba
- D. mulut tempayan

14. Banyak orang mengatakan bahawa bencana alam yang berlaku ketika ini berpunca _____ kerakusan manusia memanipulasi sumber alam.

- A. dari
- B. daripada
- C. pada
- D. oleh

15. Berikut merupakan ciri-ciri laras bahasa sastera atau karya kreatif, **KECUALI**

- A. menggunakan bahasa yang ringkas dan bersahaja.
- B. bersifat imaginatif dan figuratif iaitu penyimpangan daripada bahasa biasa.
- C. bahasa yang terhasil daripada cetusan imaginasi dan pengalaman penulis.
- D. menggunakan perlambangan, kiasan, metafora dan sebagainya.

16. Antara ayat yang berikut, yang manakah dapat menunjukkan kesantunan berbahasa apabila berkomunikasi dengan individu yang tidak dikenali?

- A. "Pergilah ambil barang saya itu".
- B. "Puan, sila tunggu sebentar".
- C. "Kakak, di manakah pejabat pendaftaran?".
- D. "Dia dianugerahkan sebagai profesor semalam", jawab Anuar kepada penemuduga.

17. Teks ucapan harus menitikberatkan aspek-aspek seperti yang berikut **KECUALI**

- A. mempertingkatkan keupayaan berbahasa.
- B. meningkatkan pengetahuan seperti menjalankan kajian dan menelaah bahan bacaan.
- C. mempunyai fakta seperti data, maklumat dan angka.
- D. mempunyai fungsi menyatakan objektif dan rancangan kepada khayalak.

18. Konsep yang manakah antara berikut **SALAH** dari segi kenyataannya?

- A. Tema – sesuatu yang menjadi dasar dalam sesuatu cerita.
- B. Latar – suasana bagi plot cerita itu berkembang.
- C. Gaya bahasa – unsur-unsur nilai murni dalam sesebuah cerpen.
- D. Konflik – pertentangan antara dua pihak dalam satu urutan plot.

19. Apakah ciri-ciri bentuk wacana yang dinyatakan dalam pernyataan di bawah?

- Bersifat tunjuk cara atau panduan
- Bermanfaat dalam urusan hidup.
- Rancangan masakan dan risalah kesihatan adalah contoh wacananya

- A. Argumentasi
- B. Deskriptif
- C. Instruksi
- D. Narasi

20. Apakah ciri-ciri bentuk wacana yang dinyatakan dalam pernyataan di bawah?

- Mempunyai tema
- Mempunyai nada seperti marah, sedih, rindu dan sebagainya.
- Bentuk penulisan yang bebas dan tidak terikat.

- A. Pantun
- B. Peribahasa
- C. Seloka
- D. Sajak

Bahagian B

(20 Markah)

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Bina **SATU (1)** ayat yang sesuai berdasarkan peribahasa di bawah. (5 markah)

- a. ada bakat
- b. naik angin
- c. kacang melupakan kulit
- d. mengembirakan
- e. tunggang-langgang

2. Bagaimanakah anda menjelaskan makna kata *kecil* yang digunakan dalam ayat-ayat yang berikut? (5 markah)

- a. Dia paling *kecil* dalam keluarganya.
- b. Jalan *kecil* itu tidak boleh dilalui oleh kenderaan yang berat.
- c. Koleksi barang peribadinya itu tidak muat untuk disimpan di dalam almari *kecil* itu.
- d. Ada beberapa masalah *kecil* yang perlu diselesaikan sebelum pelan itu diluluskan.
- e. Perkara-perkara *kecil* tidak dibincangkan dalam mesyuarat itu.

3. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan yang dikemukakan.

Lori yang sudah tua itu kedengaran mengaum terus. Badannya terhuyung-hayang mengikut rentak jalan raya kampung. Tidak lama kemudian, lori itu berhenti di tebing sungai. Kedua-dua anak muda itu turun. Mereka berjalan ke hala seorang anak yang sedang menunggu di bawah lindungan bayangan sepohon kayu.

- a. Jelaskan ciri-ciri laras bahasa sastera? (2 markah)
- b. Daripada petikan di atas, jelaskan maksud personifikasi frasa *lori yang sudah tua*.
- c. Adakah laras bahasa sastera sama dengan laras bahasa pengiklanan? Jelaskan jawapan anda. (2 markah)

4. Prinsip sebutan bahasa Melayu ditandai dengan bunyi vokal, konsonan dan diftong.

- a. Berapakah bilangan vokal asli bahasa Melayu? (1 markah)
- b. Berapakah bilangan diftong bahasa Melayu? (1 markah)
- c. Berapakah bilangan konsonan asli bahasa Melayu? (1 markah)
- d. Nyatakan **DUA (2)** contoh perkataan yang mengandungi vokal depan luas. (1 markah)

5. Bincangkan kan **LIMA (5)** ciri-ciri yang perlu ada untuk menjadi pengacara majlis.

(5 markah)

*** KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT ***